

Pemimpin kemaruk kuasa, pangkat ketepikan kedaulatan raja Melayu

B.A 9/2/09 M/S 38

POLITIK bercelaru di Perak tentu akan mencetuskan satu lagi babak memalukan dalam sejarah politik negara. Mengapa dikatakan sangat memalukan kerana institusi raja sekali lagi diheret dalam arus perebutan kuasa di kalangan elit politik.

Ini adalah hakikat kancah konflik kuasa melalui landasan politik yang sama sekali meminggirkan kematangan berpolitik di kalangan ahli dan pemimpin Pakatan Rakyat.

Seluruh rakyat sudah mengetahui dan menghalusi kronologi politik yang melanda Perak.

Segala yang berlaku ini juga adalah manifestasi daripada sikap 'kemaruk kuasa' kepemimpinan Pakatan Rakyat sehingga menetapkan kedaulatan raja-raja Melayu. Mereka menggunakan politik untuk memperoleh kuasa, pangkat dan pengaruh, sedangkan pembangunan untuk kemakmuran rakyat dijadikan soal kedua yang seolah-olah kurang penting.

Orang Melayu khususnya dalam Pakatan Rakyat perlu sedar, mereka hanya menjadi

batu loncatan untuk mengurangkan kuasa politik orang Melayu secara beransur-ansur. Percayalah, ramai lagi orang Melayu dalam Pakatan Rakyat akan menjadi 'kambing hitam' semata-mata pemimpin mereka menghalalkan apa saja untuk mencapai matlamat politik.

Walaupun hari ini orang Melayu semakin ramai berfikiran terbuka dengan meminggirkan beberapa adat Melayu demi pembangunan, institusi raja perlu dipertahankan kerana institusi raja saja warisan terulung orang Melayu hingga ke hari ini.

Jika orang Melayu terus memberi mandat kepada Pakatan Rakyat menjadi pemimpin, mereka seolah-olah menggadai bangsa sendiri. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengatakan semua manusia adalah sama di sisi Tuhan.

Namun, mungkin beliau terlupa yang manusia itu dijadikan dengan pelbagai rupa bentuk dan keturunan supaya mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain. Pada saya, orang Me-

layu memerlukan sesuatu yang membolehkan mereka dikenali dan dihormati bukan sekadar agama, malah perlu dihormati dari segi budaya dan sejarah.

Institusi Kesultanan Melayu adalah lambang keagungan bangsa Melayu. Setiap orang Melayu perlu mempertahankan kedaulatannya, selaras dengan tuntutan agama bahawa seseorang wajib mentaati pemimpinnya selagi tidak berbuat kemungkaran.

Sebaliknya, jika kita menjadi pemimpin yang melahirkan masyarakat pelampau atau ekstremis yang membahayakan ketenteraman negara, mana-mana agama atau fahaman di dunia akan menolaknya, apatah lagi ajaran Islam yang sama sekali mengharamkan perbuatan seumpama ini.

Menurut Islam, apabila kita melantik pemimpin yang mempertikai Islam dan pemimpin Islam, kita akan menjadi kafir.

Sanggupkah orang Melayu bersekongkol dengan pemimpin yang sanggup menghina institusi kesultanan yang menjadi penjaga atau pene-

rus kepada syiar Islam di Malaysia.

Umno dan Barisan Nasional tidak perlu meraikan kejayaan itu.

Soalnya, sekarang bukan lagi siapa dan bagaimana kejayaan itu dicapai. Soalnya kini, institusi sultan dihina.

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, saya mencadangkan Umno dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Perak supaya mengadakan perhimpunan khas untuk membincangkan kejadian menghina kesultanan Perak.

Sebagai sebuah parti orang Melayu yang pernah menyelamatkan institusi kesultanan pada 1946, Umno perlu mengambil serius isu berkenaan agar ia dapat melahirkan warisan kesultanan di negara ini.

Kejadian itu juga sepatutnya membuka mata rakyat agar menghindar daripada terus mengagungkan pemimpin cacar marba dalam Pakatan Rakyat.

ROSLEE MARDAN,
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah.